

Nakhaie nafi penyumbang krisis UMNO di Baling

UM 23 DEC 2002

KUALA LUMPUR 22 Dis. — Yang Dipertua Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM), Datuk Nakhaie Ahmad, menafikan beliau membentuk atau menyertai puak yang menyumbang kepada krisis UMNO Bahagian Baling di Kedah.

Nakhaie sebaliknya berkata, beliau mendapat izin Presiden UMNO, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad untuk membantu menyelesaikan krisis di bahagian tersebut.

Menurutnya, pertelingkahan yang berlaku ialah antara puak Pemangku Ketua UMNO Bahagian Baling, Ismail Bakar dengan puak yang didalangi oleh Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bayu, Datuk Zainol Mat Isa, yang digantung keahliannya oleh Jawatankuasa Disiplin UMNO.

“Memang benar saya mendapat keizinan Perdana Menteri untuk berusaha menyelesaikan krisis UMNO Baling dan telah berusaha ke arah itu. Tetapi saya tidak menyertai mana-mana puak yang bertelagah atau membentuk puak sendiri yang menambahkan lagi masalah yang dihadapi,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam satu kenyataan bagi menjawab rencana *Kisah beraya di Baling, Merbok dan Kubang Pasu* tulisan Zaini Hassan yang disiarkan dalam *Utusan Malaysia* Khamis lalu.

Menurut Nakhaie, beliau telah menemui kedua-dua pihak yang bertelagah untuk mendamaikan mereka bagi membolehkan mesyuarat Jawatankuasa UMNO Bahagian Baling yang tertangguh kerana masalah tidak cukup korum, diadakan.

“Dalam usaha menyelesaikan krisis yang berlaku, saya memang tidak berurusan dengan Zainol kerana buat masa ini beliau bukan ahli UMNO, setelah keahliannya digantung.

“Saya hanya berurusan dengan Pemangku Ketua Bahagian (Ismail) dan pihak yang menentangnya. Dalam usaha mendamaikan pihak-pihak yang bertelagah, saya tidak memihak kepada mana-mana pihak,” tegasnya.

Nakhaie mendakwa telah meninjau kedudukan UMNO di cawangan-cawangan dalam bahagian berkenaan dan mendapati krisis berkenaan hanya berlaku di peringkat kepimpinan sahaja.

“Krisis itu tidak merebak ke cawangan. Ia lebih merupakan usaha pihak-pihak dalam kepimpinan UMNO Baling untuk merebut kedudukan bagi menjamin kedudukan sebagai calon pada pilihan raya akan datang,” katanya.